

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan Ops Benteng dalam membendung kemasukan pendatang tanpa izin menerusi 'laluhan tikus' di sempadan tertentu di perairan pantai timur Sabah, dan apakah jaminan konsistensi Ops Benteng tersebut kepada usaha pengurangan serta pembasmian Pati ke negeri Sabah yang dikatakan sebagai punca penyebaran COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Operasi Benteng atau ringkasnya disebut sebagai Op BENTENG telah diterajui oleh National Task Force, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan operasinya telah mula dilaksanakan sejak Mei 2020. Agensi-agensi lain yang terlibat dalam operasi ini termasuklah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
2. Setakat Oktober 2020, Op BENTENG telah berjaya **menangani 3,553 kes** yang meliputi pelbagai kesalahan seperti tangkapan, tangkapan lain-lain, rampasan barang tanpa tuan, pengusiran, penglihatan dan rompakan di laut. Dalam tempoh yang sama, jumlah **tangkapan PATI pula adalah seramai 7,546 orang**.
3. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) telah menetapkan supaya Op BENTENG ini diteruskan sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan berdasarkan keadaan semasa kawalan sempadan negara serta kadar penularan jangkitan Covid-19 di rantau ini.

Sekian, terima kasih.